



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
Dokumen Penjajaran Kurikulum
Tahun 2020

PENDIDIKAN MUZIK
TAHUN 3

KATA PENGANTAR



Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah dijajarkan bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan akibat penularan koronavirus (COVID-19). Arahan PKP telah membawa normal baharu dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara maya. Dapatan daripada beberapa tinjauan melalui media cetak dan elektronik menunjukkan bahawa PdP secara maya semasa tempoh PKP, tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan bersistematik. Implikasinya, wujud jurang pembelajaran antara murid. Hal demikian turut menjejaskan penguasaan kandungan, kemahiran dan nilai asas yang diperlukan oleh murid bagi meneruskan pembelajaran ke peringkat seterusnya. Oleh itu, penjajaran kurikulum ini merupakan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan kelangsungan pembelajaran murid berlaku.

Kurikulum yang dijajarkan ini bukanlah kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR. Kandungan DSKP tersebut dibahagikan kepada Kandungan Asas, Kandungan Tambahan dan Kandungan Pelengkap.



Penjajaran kandungan kurikulum ini bertujuan memberi penekanan terhadap kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala kandungan tambahan dan kandungan pelengkap berperanan menyokong keseluruhan pembelajaran bagi kandungan sesuatu mata pelajaran melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran. Pendekatan pembelajaran teradun yang menggabungkan teknik pengajaran bersemuka dan tidak bersemuka menggunakan medium yang sesuai mampu menghasilkan PdP yang lebih fleksibel tanpa mengabaikan hasil pembelajaran yang dihasratkan.

Harapan Kementerian Pendidikan Malaysia agar guru dapat memastikan kandungan DSKP disampaikan kepada murid seterusnya merealisasikan hasrat dan matlamat mata pelajaran KSSR. Kementerian Pendidikan Malaysia juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penjajaran kandungan DSKP KSSR bagi kegunaan tahun 2020.


DATIN SRI HAJAH NOR ZAMANI BINTI ABDOL HAMID

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
1.1 Elemen Muzik		<p>1.1.1 Mengenal dan membezakan tekstur tebal dan nipis.</p> <p>1.1.2 Mengaplikasikan pemahaman tekstur tebal dan nipis dalam aktiviti muzik.</p>	


Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
1.2 Notasi Muzik		<p>1.2.1 Membaca not pada baluk:</p> <p>(i) not G, A dan B.</p>  <p>(ii) menggunakan jenis not</p>  <p>1.2.2 Mengaplikasikan pengetahuan notasi muzik dalam aktiviti permainan rekoder.</p>	


Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.1 Nyanyian	2.1.1 Bernyanyi dengan teknik pernafasan yang betul. 2.1.2 Bernyanyi dengan pic yang betul. 2.1.3 Bernyanyi mengikut tempo.		

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.2 Permainan Alat Perkusi	<p>2.2.1 Memainkan alat perkusi mengikut tempo.</p> <p>2.2.2 Memainkan alat perkusi mengikut corak irama berdasarkan skor ikon yang mewakili</p> <p>nilai not </p>		

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.3 Bergerak Mengikut Muzik	<p>2.3.1 Membuat pergerakan berdasarkan corak irama dari muzik yang didengar.</p> <p>2.3.2 Membuat pergerakan berdasarkan tempo.</p> <p>2.3.3 Merancang pergerakan berdasarkan muzik yang didengar: (i) corak irama lagu (ii) tempo</p>		

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.4 Rekoder	2.4.1 Mengenal dan memahami: (i) bahagian rekoder. (ii) cara menjaga rekoder. (iii) penjarian asas rekoder. .		

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	<p>2.4.2 Memainkan rekoder mengikut tempo dengan ton yang baik:</p> <p>(i) dengan penjarian not B, A dan G.</p> <p>(ii) menggunakan jenis not </p> <p>(iii) pernafasan yang betul.</p> <p>(iv) perlidahan yang betul.</p> <p>(v) <i>Embouchure</i> yang betul.</p> <p>(vi) postur yang betul.</p> <p>2.4.3 Memainkan rekoder dengan mengaplikasikan pembacaan skor muzik.</p>		

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
3.1 Pengkaryaan Muzik	<p>3.1.1 Menghasilkan kesan bunyi untuk mengiringi persembahan.</p> <p>3.1.2 Mencipta corak irama mudah menggunakan ikon mewakili nilai not</p> <p>not </p>	3.1.3 Mempersembahkan hasil ciptaan.	

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
4.1 Penghayatan Karya Muzik		4.1.1 Membuat ulasan terhadap Muzik Popular yang didengar daripada aspek: (i) jenis muzik (ii) masyarakat yang mengamalkan muzik tersebut	

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
5.1 Persembahan Muzik			5.1.1 Merancang persembahan muzik. 5.1.2 Membuat persembahan muzik. 5.1.3 Mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik.

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917